

# PHARMANIAGA MELOXICAM TABLET

Meloxicam (7.5 mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Meloxicam Tablet
2. Bagaimana Pharmaniaga Meloxicam Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Pharmaniaga Meloxicam Tablet
4. Cara pengambilan Pharmaniaga Meloxicam Tablet
5. Semasa mengambil Pharmaniaga Meloxicam Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Meloxicam Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini risalah
11. Nombor Siri

## Apakah Kegunaan Pharmaniaga Meloxicam Tablet

Pharmaniaga Meloxicam Tablet digunakan untuk merawat gejala-gejala osteoarthritis (penyakit sendi degeneratif) dan arthritis reumatoid. Kedua-dua penyakit ini melibatkan sendi yang menyebabkan kesakitan dan bengkak.

## Bagaimana Pharmaniaga Meloxicam Tablet Berfungsi

Pharmaniaga Meloxicam Tablet tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil NonSteroidal Anti-Inflammatory Drugs (NSAIDs). Ubat-ubatan ini berfungsi dengan melegakan kesakitan dan keradangan.

## Sebelum mengambil Pharmaniaga Meloxicam Tablet

### -Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Pharmaniaga Meloxicam Tablet jika:  
Anda mempunyai alahan kepada Pharmaniaga Meloxicam Tablet, aspirin or any other NSAIDs.

- Gejala tindak balas alahan mungkin termasuk ruam kulit, gatal-gatal dan kesukaran bernafas.
- Anda mengalami pendarahan dari perut, usus atau sebarang pendarahan lain.
- Anda mempunyai masalah hati atau buah pinggang yang teruk.
- Jika anda kanak-kanak atau remaja yang berusia 15 tahun ke bawah.

### Mengandung atau menyusukan anak

Jangan ambil Pharmaniaga Meloxicam Tablet jika anda hamil, sedang

merancang untuk hamil atau mungkin hamil sebelum berbincang dengan doktor anda terdahulu.

Jangan ambil Pharmaniaga Meloxicam Tablet jika anda sedang menyusukan bayi. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

Jika anda tidak pasti, bincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan ubat ini.

### -Sebelum mengambil Pharmaniaga Meloxicam Tablet

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan kepada Pharmaniaga Meloxicam Tablet, aspirin or any other NSAIDs.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai mana-mana masalah perubatan yang berikut:

- Tekanan darah tinggi atau pengumpulan cecair
- Diabetes
- Kolesterol tinggi
- Masalah pencernaan, ulser atau masalah perut yang lain
- Penyakit buah pinggang atau hati
- Asma atau masalah pernafasan yang lain.

Beritahu doktor anda jika anda mengandung atau bercadang untuk hamil, menyusukan bayi atau merancang untuk menyusukan bayi.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda ubat-ubatan yang anda ambil termasuklah semua ubat-ubatan yang anda beli tanpa preskripsi dari kedai farmasi, supermarket, atau kedai makanan kesihatan lain.

Sesetengah ubat boleh mengganggu fungsi Pharmaniaga Meloxicam Tablet. Ini termasuk:

- Aspirin, salicylate atau NSAID lain
- Ubat-ubatan yang digunakan untuk menipiskan darah (contohnya ticlopidine)
- Ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi dan masalah jantung yang lain
- Lithium, ubat yang digunakan untuk merawat beberapa jenis kemurungan
- Methotrexate, ubat yang

digunakan untuk merawat arthritis reumatoid dan beberapa jenis kanser

- Cyclosporin, ubat yang digunakan untuk merawat arthritis reumatoid dan masalah sistem imun tertentu
- Cholestyramine, ubat yang digunakan untuk merawat tahap kolesterol yang tinggi pada darah

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai maklumat lanjut mengenai ubat-ubatan yang perlu berhati-hati atau dielakkan semasa mengambil Pharmaniaga Meloxicam Tablet.

## Cara pengambilan Pharmaniaga Meloxicam Tablet

Sentiasa mengambil ubat ini sepertimana yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Baca arahan pada label dengan teliti. Periksa dengan doktor atau ahli farmasi sekiranya anda tidak pasti.

### -Berapa banyak harus diambil

Doktor anda akan menasihati dos yang diperlukan setiap hari dan tempoh pengambilan ubat ini.

### **Osteoarthritis (Penyakit sendi degeneratif):**

7.5 mg/ hari. Dos boleh dinaikkan kepada 15mg/ hari.

### **Rheumatoid arthritis (keradangan sendi kronik):**

15mg/ hari. Bergantung kepada respons anda, doktor anda boleh mengurangkan dos ini kepada 7.5mg/ hari.

### **Ankylosing spondylitis (sejenis arthritis yang menjejaskan tulang belakang):**

15mg/ hari.

### **Kegagalan buah pinggang yang teruk:**

7.5mg/ hari.

### **Kanak – kanak:**

Tidak digalakkan

Tablet harus ditelan dengan air, atau minuman lain, semasa makan.

Dos harian maksimum Pharmaniaga Meloxicam Tablet yang disyorkan adalah 15 mg. Jumlah dos harian Meloxicam yang perlu diambil secara dos tunggal

# PHARMANIAGA MELOXICAM TABLET

Meloxicam (7.5 mg)

## -Bila perlu diambil

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

## -Berapa lama perlu diambil

Sentiasa mengambil ubat ini seperti diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Baca label dengan teliti. Jika anda mempunyai sebarang soalan, bincang dengan doktor atau ahli farmasi.

## -Jika terlupa mengambil

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda ingat. Jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan ambil ubat itu pada masa yang dijadualkan seterusnya. Jangan mengambil ubat tambahan untuk menggantikan dos yang tertinggal. Ini boleh meningkatkan peluang anda mendapat kesan-kesan sampingan yang tidak diinginkan.

## -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doctor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Gejala mengambil dos berlebihan mungkin termasuk:

- Loya dan / atau muntah-muntah
- Sakit kepala
- Mengantuk dan/ atau pening
- Sawan
- Tekanan darah tinggi
- Sukar bernafas
- Kesedaran terjejas
- Kegagalan buah pinggang
- Masalah hati
- Serangan jantung

## **Semasa mengambil Pharmaniaga Meloxicam Tablet**

## -Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini pada jangka masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda alah kepada Pharmaniaga Meloxicam Tablet, aspirin or any other NSAIDs.
- Beritahu doktor anda dan ahli farmasi apa ubat-ubatan preskripsi dan bukan preskripsi yang anda ambil.

- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Pharmaniaga Meloxicam Tablet.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.
- Jika anda mendapat jangkitan semasa menggunakan Pharmaniaga Meloxicam Tablet, beritahu doktor anda. Pharmaniaga Meloxicam Tablet mungkin menyembunyikan beberapa tandatanda jangkitan (contohnya sakit, demam, kemerahan dan bengkak). Anda mungkin berfikir bahawa keadaan anda menjadi lebih baik atau bahawa jangkitan tidak serius.

## -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berkongsi Pharmaniaga Meloxicam Tablet dengan orang lain, walaupun tanda-tanda mereka kelihatan serupa dengan anda.

Jangan mengambil ubat ini untuk merawat sebarang aduan lain melainkan jika doktor atau ahli farmasi memberitahu anda.

## -Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda hamil, cuba untuk hamil atau sedang menyusukan bayi, jangan ambil Pharmaniaga Meloxicam Tablet tanpa berbincang dengan doktor anda terlebih dahulu.

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan jentera sehingga anda tahu bagaimana Pharmaniaga Meloxicam Tablet memberi kesan kepada anda. Pharmaniaga Meloxicam Tablet biasanya tidak menyebabkan apa-apa masalah dengan keupayaan anda untuk memandu kereta atau mengendalikan jentera. Namun, seperti banyak ubat-ubatan lain, Pharmaniaga Meloxicam Tablet boleh menyebabkan pening, mengantuk atau keletihan pada sesetengah orang.

## **Kesan-kesan Sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, Pharmaniaga Meloxicam Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Tanya doktor

atau ahli farmasi anda untuk menjawab apa-apa soalan yang anda mungkin ada.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda notis mana-mana simptom yang berikut:

- Perut tidak selesa termasuk rasa loya, muntah-muntah, pedih ulu hati, senak, sendawa, kejang atau sakit
- Sakit kepala
- Pening
- Ruam kulit, yang mungkin disebabkan oleh pendedahan kepada cahaya matahari, boleh melepuh dan boleh menjadi rupa luka terbakar yang teruk, ataugatal-gatal
- Peningkatan tekanan darah

Senarai di atas adalah kesan sampingan yang lebih biasa berlaku. Kesan sampingan ini biasanya ringan.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mendapati mana-mana daripada yang berikut:

- Penglihatan kabur
- Apa-apa perubahan dalam jumlah atau warna air kencing anda (merah atau coklat ) atau apa-apa kesakitan atau kesukaran apabila membuang air kecil
- Pengsan, sesak nafas atau keletihan, degupan jantung cepat atau tidak teratur, sakit dada, bengkak atau urat kaki sakit
- Pening yang teruk
- Sakit yang teruk atau kelemutan dalam perut
- Kuning pada kulit dan mata (dikenali sebagai penyakit kuning)
- Bengkak buku lali, kaki atau bahagian-bahagian badan lain
- Tanda-tanda anemia (seperti keletihan, sesak nafas dan pucat)
- Kerengsaan membran mukus (contohnya bibir, mulut, mata atau kemaluan)

Ini adalah kesan sampingan yang jarang berlaku tetapi serius. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan yang segera.

Jika mana-mana daripada yang berikut berlaku, beritahu doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital yang terdekat:

- Muntah darah atau bahan yang kelihatan seperti serbuk kopi
- Pendarahan dari rektum, najis melekit dan hitam atau cirit-birit berdarah

# PHARMANIAGA MELOXICAM TABLET

Meloxicam (7.5 mg)

- Bengkak muka, bibir atau lidah yang menyebabkan kesukaran menelan atau bernafas
- Asma, berdehit atau sesak nafas
- Gatal-gatal kulit secara tiba-tiba atau yang teruk
- Kelemahan dalam satu bahagian atau bahagian badan anda, pertuturan tidak jelas, penglihatan kabur atau gangguan penglihatan

Ini adalah kesan sampingan yang jarang berlaku tetapi amat serius. Anda mungkin perlu dibawa untuk dirawat di hospital.

Kesan-kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas boleh berlaku di sesetengah pesakit. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuat anda rasa tidak sihat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public → Reporting Side-effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

## Cara Penyimpanan dan Pelupusan Pharmaniaga Meloxicam Tablet

### -Penyimpanan

Simpan semua ubat daripada penglihatan dan jangkauan kanak-kanak.

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh tamat tempoh yang tertera pada pek bungkusan.

Simpan dibawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

### -Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat Lanjut

### Rupa dan warna produk

Tablet bulat berwarna kuning, dwicembung ikon Pharmaniaga pada satu sisi dan Garisan belahan pada sisi sebelah lagi.

### -Bahan bahan kandungan

- Bahan Aktif  
Meloxicam 7.5 mg
- Bahan tidak aktif  
Povidone, Lactose Monohydrate, Sodium Citrate, Colloidal Silicon Dioxide, Microcrystalline Cellulose, Magnesium Stearate, Crospovidone.

### -Nombor MAL

MAL05092224AZ

### **Pengilang**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (198001006232),  
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (198001006232),  
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

### **Tarikh kemaskini**

29/07/2021

### **Nombor Siri**

NPRA(R4/1)151118/00330